

## KERATAN AKHBAR

TARIKH	: 4 JULAI 2023
AKHBAR	: HARIAN METRO
PAUTAN	: <a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/07/984283/mten-bincang-kejatuhan-ringgit-minggu-depan">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/07/984283/mten-bincang-kejatuhan-ringgit-minggu-depan</a>

### MTEN bincang kejatuhan ringgit minggu depan



RAFIKI pada Majlis Pelancaran Rancangan 'INNOVATHON' dan Sidang Media, Royale Chulan Jalan Conlay, ibu negara. FOTO Aswadi Alias.

Kuala Lumpur: Isu ekonomi negara termasuk kejatuhan ringgit Malaysia antara topik yang akan dibincangkan dalam Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), minggu depan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, MTEN akan membincangkan laporan ekonomi termasuk ekonomi makro dan struktur membabitkan semua kementerian dan agensi.

"Sudah pasti prestasi dan kebimbangan kerajaan akan dibincangkan di mesyuarat MTEN.

"Saya tidak mahu mendahului MTEN dalam memberikan pandangan yang berisiko memberi kesan kepada ekonomi.

"Setiap keputusan dasar atau prestasi ekonomi semasa perlu mengambil kira pandangan pihak berkepentingan lain contohnya Bank Negara Malaysia (BNM) untuk kadar dasar semalam (OPR)," katanya selepas Majlis Pelancaran Innovathon, di sini, hari ini.

Mengulas mengenai prestasi ringgit semasa Rafizi berkata, beberapa faktor utama mempengaruhi ringgit ketika ini membabitkan tekanan global seperti kadar faedah Rizab Persekutuan.

"Selain itu, situasi ekonomi China sama ada dapat menjangkakan pertumbuhan atau tidak juga memberikan kesan kepada ringgit.

"Jadi, ada pelbagai perkembangan yang bukan dalam kawalan kita," katanya.

Dalam pada itu, Rafizi dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Chang Lih Kang bergandingan bersama usahawan dan pelakon, Nur Fazura sebagai panel juri bagi memilih 1,033 peserta pertandingan realiti berteraskan sains, teknologi dan inovasi, Innovathon.

Innovathon dilancarkan dengan kerjasama MOSTI dan Kementerian Ekonomi serta Astro itu memaparkan skil dan idea inovatif dalam kalangan rakyat Malaysia bagi mencari penyelesaian isu sosiekonomi.

Sebanyak 56 idea daripada pelbagai lapisan masyarakat dipilih menerusi sesi uji bakat yang menyaksikan peserta berentap menerusi program itu.

Pemenang pertama bakal membawa pulang wang tunai RM100,000, tempat kedua dan ketiga masing-masing akan menerima RM80,000 dan RM50,000 manakala tempat keempat dan kelima menerima RM10,000 dan RM5,000.

Kelima-lima pemenang ini juga akan menerima sokongan pembangunan perniagaan mengikut kesesuaian dan skala perniagaan mereka bernilai sehingga RM1 juta.